

03/11/2003

Bersama tingkatkan kemajuan negara

SARANAN Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi supaya rakyat bekerja bersama-samanya, bukan bekerja untuknya dalam amanat sulung beliau kelmarin, sehari selepas dilantik sebagai Perdana Menteri kelima, jelas menunjukkan semangat berpasukan akan terus menjadi tunjang pemerintahan negara, selain membuktikan bahawa kerajaan akan mengekalkan amalan berunding sebelum membuat sebarang keputusan membabitkan kepentingan rakyat. Ia juga adalah asas kepada prinsip demokrasi yang mementingkan penyertaan semua pihak dalam menangani pelbagai masalah bagi memastikan negara mencapai kejayaan lebih besar.

Komitmen ikhlas Pak Lah itu diharap akan menjadi panduan kepada semua pihak, daripada peringkat menteri, kakitangan awam, swasta hingga kepada rakyat keseluruhan bagi membolehkan negara mendapat hasil terbaik. Oleh itu, sewajarnya saranan beliau dihayati dan menjadi amalan semua pihak kerana ia mempunyai makna yang mendalam. Pendekatannya itu melambangkan caranya yang tersendiri dalam menerajui pemerintahan negara. Hanya dengan sokongan padu seluruh rakyat, beliau dapat meneruskan perjuangan demi masa depan agama, bangsa dan negara. Pak Lah mahu memberikan yang terbaik kepada rakyat, jadi rakyat perlu memberikan yang terbaik kepada beliau sebagai ketua kerajaan.

Kita sepatutnya sedar mengenai perbezaan antara bekerja bersama beliau dan bekerja untuk beliau. Segala harapan Perdana Menteri akan menjadi kenyataan jika rakyat bersama-sama menjadi rakan pembangunan kepada kerajaan, tetapi jika kita hanya bekerja semata-mata untuk kepentingan peribadi, segala harapan itu akan menjadi sia-sia. Seperti yang ditekankan oleh Pak Lah, sesuatu tugas yang berat akan menjadi ringan jika mendapat sokongan padu rakyat pelbagai kaum di negara ini. Sesebuah negara tidak akan maju jika rakyatnya bekerja untuk individu sebaliknya mungkin runtuh apabila ada pihak cuba mengambil kesempatan daripadanya.

Sememangnya, seluruh rakyat perlu bekerjasama dengannya bagi meneruskan kesinambungan pembangunan negara yang diwarisi daripada kepemimpinan terdahulu. Tidak ada pemimpin yang boleh berjaya tanpa sokongan ahli parti, kawan dan seluruh masyarakat. Tun Dr Mahathir Mohamad sudah meletakkan negara pada satu tahap yang dibanggakan, meninggalkan sebuah kerajaan yang sungguh maju serta berjaya dan menjadi tugas kita sekarang untuk membantu Pak Lah dalam menjamin pencapaian dan kemajuan negara dapat dikekalkan. Kita yakin Pak Lah akan membawa Malaysia untuk menjadi sebuah negara yang lebih cemerlang, gemilang dan terbilang.

